

# Adakah Islam Membenarkan Suami Memukul Isteri?

EMPOWERING  
Voices for  
Change





# Adakah Islam Membenarkan Suami Memukul Isteri?

MEMBINA  
Suara *demi*  
Perubahan





Edisi pertama 1991  
Edisi semakan 2009  
© SIS Forum (Malaysia) (266561 W)

Penulis:

**Sisters in Islam & Yasmin Masidi**

Penyunting:

Dr Nik Noriani Nik Badlishah

Penyunting naskah:

Noreen Kong Abdullah

Penterjemah:

**Chuah Siew Eng dan Norhayati Kaprawi**

Diterbitkan di Malaysia oleh:

SIS Forum (Malaysia) (266561 W)  
(Sisters in Islam)

No 4 Lorong 11/8E, 46200 Petaling Jaya, Selangor Malaysia

Tel: (603) 7960 3357, 7960 5121, 7960 6733

Faks: (603) 7960 8737

Dicetak di Malaysia oleh:

Micom Sdn Bhd

16 & 18, Jalan 5/33B

MWE Kepong Commercial Park

6 1/2 Miles, Jalan Kepong

52000 Kuala Lumpur

Reka bentuk kulit buku dan Reka Letak oleh:

**Siti Kaprawi**

*Mana-mana bahagian terbitan ini boleh disalin, diterbitkan semula, diadaptasi, disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk atau dengan apa cara pun untuk memenuhi keperluan setempat, bukan untuk tujuan mendapat keuntungan dan tanpa perlu mendapatkan izin Sisters in Islam. Segala bentuk salinan, terbitan semula, adaptasi dan terjemahan secara mekanik, elektrik atau elektronik seharusnya memberi penghargaan kepada Sisters in Islam dan penulisnya sebagai sumber rujukan. Satu salinan sebarang bentuk terbitan semula, adaptasi dan/atau terjemahan harus dihantar kepada Sisters in Islam.*

Perpustakaan Negara Malaysia  
Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Sisters in Islam

Adakah Islam membenarkan suami memukul isteri?/

(Sisters in Islam & Yasmin Masidi) ; (penterjemah : Chuah Siew Eng & Norhayati Kaprawi) – Ed. Semakan

Bibliografi : ms. 39

ISBN 978-983-2622-33-8

1. Domestic relations (Islamic law).

2. Marriage (Islamic law).

3. Islamic law.

I. Yasmin Masidi, 1980-,

II. Chuah Siew Eng.

III. Norhayati Kaprawi.

IV. Judul.

V. Judul : Terjemahan dari :

Are muslim men allowed to beat their wives?.

297.577



# KANDUNGAN

<b>PENGENALAN</b>	4	9• Sering kali ahli keluarga dan sahabat handai menasihatkan wanita yang dipukul suami supaya bersabar dan berdoa agar keadaan berubah. Apakah suami biasanya akan berubah jika wanita bersabar?	26
<b>ADAKAH ISLAM MEMBENARKAN SUAMI MEMUKUL ISTERI?</b>	7		
1• Adakah Islam membenarkan suami menganiayai isterinya secara fizikal atau mental?	8		
2• Dalam Islam, apakah yang dianggap sebagai kelakuan zalim terhadap isteri?	11	10• Apakah maksud anda bahawa wanita perlu "bertindak"?	28
3• Surah an-Nisa' ayat 4:34 sering digunakan alasan untuk menyokong perbuatan memukul isteri. Apakah huraian ayat ini?	13	11• Apakah yang harus dilakukan oleh seorang wanita jika suaminya menderanya secara fizikal atau mental?	29
4• Apa pula pengertian istilah nushuz? Bolehkah suami memukul isterinya yang nushuz?	16	12• Bolehkah seorang wanita menuntut cerai jika suaminya berlaku zalim?	32
5• Mengapakah al-Qur'an memasukkan kaedah daraba?	18	13• Bolehkah seorang wanita menuntut cerai jika suaminya berlaku zalim?	33
6• Apakah konteks sejarahnya? Adakah keganasan rumah tangga berlaku dalam masyarakat zaman dulu?	21	14• Jika memang sudah ada undang-undang yang melindungi wanita, kenapa pertubuhan-pertubuhan wanita masih meluahkan kebimbangan mereka di media?	34
7• Pernahkan Nabi Muhammad (saw) memukul atau bertindak zalim terhadap isteri-isteri baginda?	23	15• Adakah sesiapa yang melakukan sesuatu untuk mengatasi kekurangan ini?	36
8• Jika semua perkara yang dinyatakan di atas ini benar, kenapa masih disebut bahawa suami dibenarkan memukul isteri jika isteri nushuz?	24		
		<b>KESIMPULAN</b>	38
		<b>RUJUKAN</b>	39
		<b>SENARAI AGENSI YANG BOLEH MEMBANTU</b>	40



*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani*

# PENGENALAN

**Sisters in Islam** ialah sekumpulan wanita Islam yang mengkaji dan menyelidik kedudukan wanita dalam Islam. Kami ingin berkongsi ilmu agar semua wanita Islam mengetahui hak kita menurut ajaran Islam.

Kebangkitan semula Islam sejak tiga dekad yang lalu telah memberi kesan terhadap umat Islam di seluruh dunia. Ia telah mendorong kebanyakan umat Islam untuk berusaha menyelami semula makna ajaran Islam sebagai satu cara hidup yang menyeluruh (*ad-din*). Kami yakin bahawa wanita dan lelaki yang membentuk ummah, harus bersama-sama membentuk masyarakat yang adil dan saksama.

Kami agak bimbang dengan sesetengah pandangan terhadap wanita di kalangan masyarakat Islam masa kini. Hakikatnya dari awal lagi, iaitu sejak 1,400 tahun yang lalu, Islam merupakan agama yang bertujuan untuk membebaskan wanita, menaikkan martabat wanita dan memberi hak kepada wanita yang dianggap revolusioner atau luar biasa pada ketika itu. Nabi Muhammad (*saw*) telah memperkenalkan perubahan radikal dalam usaha meningkatkan martabat wanita. Malangnya "beberapa dekad selepas kewafatan baginda, tirai kegelapan mula menyelubungi dan memundurkan ummah, dan kedudukan wanita Islam yang sekian dimartabatkan oleh Islam mula kehilangan nikmat semangat revolusioner Islam itu."<sup>1</sup> Akibatnya, amalan orang Islam hari ini banyak yang menindas kaum wanita, menafikan kesaksamaan dan merendahkan martabat wanita. Sesungguhnya, ini berlawanan dengan apa yang dimaksudkan dalam al-Qur'an.

---

1. Muddathir 'Abd. al-Rahim, 'The Islamic Tradition', dalam W.H. Brackney (penyunting), *Human Rights and the World's Major Religions*, Judul 3, Westpoint, Connecticut and London, Praeger, 2005, ms 69.



Penyelidikan kami menunjukkan bahawa tafsiran al-Qur'an yang menindas wanita dipengaruhi kebanyakannya oleh amalan dan nilai-nilai budaya yang menganggap wanita harus tunduk kepada lelaki dan diberi kedudukan yang lebih rendah daripada lelaki. Sebenarnya, bukan agama Islam yang menindas wanita tetapi hamba Allah yang lemah yang gagal memahami hikmah Allah swt.

Usaha kami untuk mengkaji semula al-Qur'an dan menghayati wahyu Allah swt untuk memahami maksudnya yang sebenar merupakan pengalaman yang indah lagi menerangi jiwa kami. Al-Qur'an mengajar bahawa di antara suami isteri harus ada "perasaan kasih sayang dan belas kasihan" (Surah ar-Ruum 30:21), bahawa lelaki dan wanita "sebagai pakaian bagi" satu sama lain (Surah al-Baqarah 2:187), bahawa Allah swt tidak mensia-siakan amalan orang-orang yang beriman "sama ada lelaki atau perempuan" (Surah al-Imran 3:195) dan bahawa "lelaki dan wanita, sebahagiannya saling lindung-melindungi (awliyya' ) " (Surah at-Taubah 9:71).

Semangat kesaksamaan dan keadilan yang sering ditekankan oleh al-Qur'an inilah yang menjadi panduan dalam segala usaha kami. Hasil kajian ini ingin kami kongsi bersama, dengan harapan agar kita sama-sama dapat membentuk masyarakat yang menegakkan kesaksamaan dan keadilan.

Versi pertama buku ini ditulis pada awal tahun 1990-an ketika kumpulan dan pertubuhan wanita melobi kerajaan untuk menggubal Akta Parlimen menentang keganasan rumah tangga. Sebahagian daripada masalah ketika rundingan Akta Keganasan Rumah Tangga pada awal tahun 1990-an ialah wujudnya percubaan oleh golongan tertentu untuk mengecualikan orang Islam daripada bidang kuasa Akta tersebut atas alasan bahawa lelaki Islam berhak memukul isteri mereka. Lantaran itu, pertubuhan wanita terpaksa melobi kerajaan dengan aktif selama beberapa tahun agar keganasan rumah tangga dikategorikan sebagai jenayah, tanpa mengira sama ada pelaku itu beragama Islam atau Kristian, Buddhist atau Hindu. Malah setelah undang-undang tersebut diluluskan oleh Parlimen pada tahun 1994, kami terpaksa meneruskan usaha gigih dan melobi lagi selama dua tahun agar Akta yang telah diluluskan itu dapat dilaksanakan.



Halangan ini disebabkan adanya tentangan terhadap Akta ini. Golongan yang menentang pelaksanaannya mendakwa bahawa ia tidak sepatutnya meliputi orang Islam kerana keganasan rumah tangga dikatakan hal-ehwal keluarga dan oleh itu ia sepatutnya di bawah bidang kuasa Undang-undang Shari'ah negeri dan bukannya perkara jenayah di bawah bidang kuasa Persekutuan.<sup>2</sup> Syukurlah, berkat usaha berterusan, akhirnya Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 dikuatkuasakan pada tahun 1996. Akta ini masih ada beberapa kelemahan dalam pelaksanaannya, namun sekurang-kurangnya ia merupakan langkah pertama ke arah masyarakat yang bebas daripada keganasan.

SIS Forum (Malaysia) (266561 W)  
(Sisters in Islam)  
2013

---

2. *Abd. al-Rahim, 'Law-making in the Name of Islam: Implications for Democratic Governance', dalam K. S. Nathan*



# Adakah Islam Membenarkan Suami Memukul Isteri?

**Keganasan rumah tangga** semakin diakui sebagai suatu gejala sosial yang serius di Malaysia kerana ia menjejaskan kebajikan, keselamatan fizikal dan kesihatan wanita, kanak-kanak dan ahli keluarga lain. Semakin ramai wanita yang dizalimi meminta bantuan daripada sahabat taulan, saudara-mara, kaunselor, pertubuhan wanita, rumah perlindungan, peguam dan jabatan agama.

Ada beberapa pandangan mengenai ayat al-Qur'an mengenai isu suami memukul isteri. Risalah ini mengetengahkan perspektif Sisters in Islam, berdasarkan kajian serta hasil rujukan kami dengan sarjana Islam yang arif dalam al-Qur'an. Kami berharap buku ini bermanfaat kepada Muslimin dan Muslimat yang prihatin terhadap isu keganasan rumah tangga, terutamanya yang ingin membantu.





# 1 Adakah Islam Membenarkan Suami Menganiayai Isterinya Secara Fizikal Atau Mental?

**Tidak.** Islam tidak mengizinkan suami bertindak kejam terhadap isterinya, baik secara fizikal mahupun secara mental. Kitab suci al-Qur'an sering menekankan kasih sayang, kebaikan dan keadilan dalam hubungan kekeluargaan dan melarang semua bentuk kezaliman:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا  
وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ  
يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾



*Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Dia menciptakan untuk kamu pasangan dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir (Surah ar-Ruum 30:21).*

*Wahai orang-orang yang beriman, tidak halal bagi kamu mewarisi perempuan-perempuan dengan jalan paksaan dan janganlah kamu menyakiti mereka (dengan menahan dan menyusahkan mereka) kerana kamu hendak mengambil balik sebahagian dari apa yang kamu telah berikan kepadanya, kecuali (apabila) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata dan bergaullah kamu dengan mereka dengan cara yang baik. Kemudian jika kamu (merasai) benci kepada mereka (disebabkan tingkah-lakunya, boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedang Allah hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak (untuk kamu) (Surah an-Nisa' 4:19).*

Di dalam Hadis (perbuatan atau kelakuan Rasulullah (saw) yang diriwayatkan oleh sahabat-sahabatnya) yang merupakan sumber rujukan kedua hukum dan amalan Islam, baginda pernah bersabda:

***“Orang yang baik antara kamu adalah orang paling berlaku baik terhadap isterinya...”***

Aishah (ra) meriwayatkan bahawa Rasulullah (saw) tidak pernah memukul walau seorang hamba atau wanita pun, dan Baginda tidak pernah memukul sesiapa dengan tangannya.<sup>3</sup>

---

3. *Kaukab Siddique, The Struggle of Muslim Women, Singapore, Thinker's Library, 1988, ms. 29-30, menyebut Sunan Ibn Majah.*



Banyak negara yang majoriti penduduknya beragama Islam telah meluluskan atau sedang merangka undang-undang keganasan rumah tangga. Undang-undang berkenaan perkahwinan dan penceraian juga boleh menakrifkan keganasan atau "kezaliman" terhadap wanita dalam perkahwinan. Di Malaysia, kerajaan meluluskan Akta Keganasan Rumah Tangga pada tahun 1994. Undang-undang ini harus dibaca bersama-sama dengan Kanun Keseksaan yang sedia ada.

Di kebanyakan negeri di Malaysia, Undang-undang Keluarga Islam menyatakan bahawa seseorang lelaki boleh dihukum jika didapati mendera isterinya. Misalnya, seksyen 127 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 menyatakan:

***Seseorang yang menganiaya isterinya ..... melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya denda dan penjara itu.***

Keganasan rumah tangga atau kezaliman boleh dijadikan alasan bagi memohon *fasakh* di bawah seksyen 52(1) Akta Undang-undang Keluarga Islam.



# 2 Dalam Islam, Apakah Yang Dianggap Sebagai Kelakuan Zalim Terhadap Isteri?

**Seperti yang kita lihat tadi**, Al-Qur'an dan Hadis menyeru para suami supaya melayan isteri dengan kasih sayang dan kebaikan. Ini bermakna kelakuan buruk seperti bersikap ganas, berbahasa kesat dan enggan bertolak ansur boleh dianggap zalim.

Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 di Malaysia menakrifkan "keganasan rumah tangga" sebagai pelakuan mana-mana perbuatan yang berikut:

- (i) Secara sengaja atau dengan disedarinya meletakkan, atau cuba meletakkan, mangsa dalam keadaan ketakutan kecederaan fizikal;
- (ii) Menyebabkan kecederaan fizikal kepada mangsa dengan sesuatu perbuatan yang diketahui atau sepatutnya diketahui akan mengakibatkan kecederaan fizikal;
- (iii) Memaksa mangsa dengan paksaan atau ancaman untuk melakukan apa-apa kelakuan atau perbuatan, berbentuk seksual ataupun selainnya, yang mangsa itu berhak tidak melakukannya;
- (iv) Mengurung atau menahan mangsa tanpa kerelaan mangsa itu; atau
- (v) Melakukan khianat atau kemusnahan atau kerosakan kepada harta dengan niat untuk menyebabkan atau dengan disadari bahawa ia berkemungkinan menyebabkan kesedihan atau kegusaran kepada mangsa itu.



Negeri-negeri di Malaysia telah juga meluluskan undang-undang peribadi berkaitan isu ini. Misalnya, Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 menganggap bahawa seseorang suami itu menganiayai isterinya jika dia:

- (i) lazim menyakiti atau menjadikan kehidupannya menderita disebabkan oleh kelakuan aniaya; atau
- (ii) berkawan dengan perempuan jahat atau hidup berperangai keji mengikut pandangan *Hukum Syara'*; atau
- (iii) cuba memaksa isteri agar hidup secara lucah; atau
- (iv) melupuskan harta isteri atau melarang isteri itu dari menggunakan hak-haknya di sisi undang-undang terhadap harta itu;
- (v) menghalang isteri daripada menunai atau menjalankan kewajipan atau amalan agamanya; atau
- (vi) jika dia mempunyai isteri lebih daripada seorang, dia tidak melayani isteri yang berkenaan secara adil mengikut kehendak *Hukum Syara'* [Seksyen 52(1) (h)].

Perhubungan suami-isteri yang terbaik ialah hubungan yang dibina atas dasar persahabatan dan saling sayang menyayangi (*mu'asyarah*) serta apa yang dianggap baik dan berpatutan (*ma'ruf*) mengikut prinsip agama, nilai-nilai masyarakat, akal fikiran dan fitrah, atau sifat semula jadi manusia (*mu'asyarah bil-ma'ruf*).<sup>4</sup> Perkahwinan harus mewujudkan hubungan suami isteri yang saling menghormati hak dan tanggungjawab masing-masing, dan kesemua hak dan tanggungjawab ini haruslah berdasarkan kesaksamaan, keseimbangan dan keadilan.

---

4. KH Husein Muhammad, *Fiqh Wanita: Pandangan Ulama terhadap Wacana Agama dan Gender*, Kuala Lumpur, *Sisters In Islam*, 2001, ms. 129-32





# 3 Surah an-Nisa' ayat 4:34 Sering Digunakan Alasan Untuk Menyokong Perbuatan Memukul Isteri. Apakah Huraian Ayat Ini?

**Mereka yang menyokong** perbuatan memukul isteri kerap menggunakan sebahagian daripada ayat 4:34:

*....Maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang qanitat, dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemeliharaan Allah dan pertolonganNya dan perempuan-perempuan yang nushuz hendaklah kamu menasihati mereka dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur dan (kalau juga mereka masih degil) pukullah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Tetapi jika perempuan itu taat kepadamu, janganlah kamu cari jalan untuk menganiayanya. (4:34)*



yang mana ayat ini sering disalahtafsirkan sebagai bermaksud:

- (i) bahawa seorang isteri mesti taat kepada suaminya;
- (ii) bahawa jika isteri tidak taat, maka suami boleh memukulnya.

Kitab suci al-Qur'an tidaklah menyuruh wanita supaya taat kepada suami mereka. Ia menyebut wanita yang baik bersifat *qanitat*, yang biasanya diterjemahkan sebagai wanita yang taat. Sebenarnya, kata dasarnya, *qunut* dipakai untuk kedua-dua wanita (*qanitat*) dan lelaki (*qanitin*) (Surah al-Imran 3:17, Surah al-Ahzab 33:35) serta makhluk-makhluk lain selain manusia. (Surah az-Zumar 39:9, Surah al-Baqarah 2:116). Oleh itu, ia tidak bermaksud ketaatan isteri terhadap suaminya atau ketaatan mana-mana manusia terhadap manusia lain. Ia merujuk kepada sifat merendah diri terhadap Allah swt.

Ayat tersebut seterusnya menyebut "jika mereka taat kepadamu" dan perkataan 'taat' yang digunakan dalam al-Qur'an bererti seorang manusia menurut perintah manusia lain. Maka, ia tidak terhad kepada wanita yang tunduk kepada lelaki semata-mata, tetapi turut meliputi lelaki yang menurut perintah (Surah an-Nisa' 4:59). Penggunaan "ta'a" di sini bukan dalam bentuk perintah bagi wanita, tetapi sebaliknya al-Qur'an mengemukakan larangan yang jelas terhadap lelaki. "Jika mereka (wanita) taat kepadamu (lelaki)", maka lelaki diperintahkan supaya "tidak mencari-cari jalan menyusahkan mereka (wanita)". Rangkaian kata "jika mereka taat kepadamu" tidak membawa erti bahawa wanita mesti menurut perintah lelaki. Ia juga tidak bererti bahawa jika wanita tidak taat, suaminya boleh memukulnya. Tumpuan rangkaian kata itu adalah terhadap tanggungjawab lelaki untuk melayani wanita secara adil, terutamanya apabila wanita mengikut saranan mereka.

Hadis berikut sering digunakan untuk mentafsirkan ayat al-Qur'an 4:34 bagi menguatkan hujah mereka bahawa isteri mestilah memberi ketaatan sepenuhnya kepada si suami. Adalah diriwayatkan bahawa Rasulullah (*saw*) bersabda:



**“Dan di antara tanda-tanda kekuasaannya Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenis mu sendiri supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya dan menjadikannya di antaramu rasa kasih dan sayang, sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir.”**

*Surah Ar-Ruum ayat 21*

***Tidak harus seseorang manusia sujud kepada manusia dan jika diharuskan, maka akan aku perintahkan semua kaum wanita sujud pada suaminya kerana membesarkan dan memuliakan hak-hak suami mereka.***

Kesahihan Hadis ini dipertikaikan kerana terdapat banyak versi mengenai periwayatannya. Ada sesetengah sarjana mendakwa hadis ini bertaraf *hasan gharib* (agak baik) dan ada pula sarjana Islam yang mendakwa ini hadis *daif* (lemah) kerana kewibawaan beberapa perawi ini adalah diragui.

Lebih penting lagi, sesetengah sarjana Islam mendapati isi kandungan hadis ini menimbulkan keraguan kerana ia tidak selari dengan inti maksud ayat-ayat al-Qur'an berhubung dengan perkahwinan yang menekankan perasaan kasih sayang antara suami isteri seperti Surah ar-Ruum 30:21 dan mengibaratkan suami isteri sebagai pakaian bagi satu sama lain dalam Surah al-Baqarah 2:187. Hadis itu juga tidak mencerminkan keperibadian dan layanan Rasulullah (saw) terhadap isteri-isterinya.<sup>5</sup>

---

5. Khaled Abou El Fadl, *Speaking in God's Name: Islamic Law, Authority and Women*, Oxford, Oneworld, 2001, ms. 210-15.



# 4 Apa Pula Pengertian Istilah *Nushuz*? Bolehkah Suami Memukul Isterinya Yang *Nushuz*?

**Perbincangan al-Qur'an** mengenai *nushuz* tidak terbatas kepada ayat 4:34. Sebenarnya, *nushuz* digunakan bagi wanita (4:34) dan juga lelaki (4:128). Oleh itu, *nushuz* bukanlah semata-mata bermakna perbuatan isteri yang ingkar kepada suami. Menurut Syed Qutb dalam bukunya *The Shade of the Qur'an* (Dalam Lindungan al-Qur'an), *nushuz* bererti gangguan dalam keharmonian rumah tangga. Sekiranya ada gangguan dalam keharmonian rumah tangga, al-Qur'an menyarankan tiga kaedah untuk mengembalikan keharmonian rumah tangga. Tiga kaedah tersebut, mengikut susunan keutamaan, adalah:

- (i) Rundingan atau *shura* sebagai cara utama yang dianjurkan untuk mengembalikan keharmonian perkahwinan ialah kaedah sama yang dibincangkan dalam al-Qur'an dalam menjalinkan hubungan antara pelbagai kelompok manusia. Rundingan boleh dilakukan antara kedua-dua pihak yang terlibat (seperti dalam ayat 4:34), atau antara kedua-dua pihak tersebut dengan bantuan orang tengah yakni orang tengah atau *hakam* (4:35, 4:128).



- (ii) “waktu perpisahan” (berpisah tempat tidur, dari segi waktu dan tempat, sekurang-kurangnya selama satu malam). Jika cara pertama iaitu rundingan tidak dapat mengembalikan keharmonian perkahwinan, maka langkah kedua ini bolehlah dilaksanakan. “Waktu perpisahan” bererti berpisah dari segi waktu dan tempat antara dua orang atau dua kumpulan. Pemisahan itu boleh dilaksanakan sebagai langkah segera untuk meredakan keadaan, atau boleh juga diteruskan untuk jangka waktu yang panjang atau mungkin bersifat selamanya (dalam konteks perkahwinan, ini bermakna perceraian).
- (iii) *daraba* (diterjemahkan oleh Syed Qutb sebagai satu pukulan): jika kedua-dua cara di atas telah dilaksanakan dengan sebaik-baiknya menurut susunan keutamaannya, maka langkah yang ketiga ini – yakni kaedah satu pukulan – tidaklah perlu dilakukan langsung.

Al-Qur’an amat mementingkan keharmonian suami-isteri dan menekankan kepentingan untuk mengekalkannya. Maka tujuan langkah-langkah ini bukannya untuk menghukum isteri yang “ingkar”. Sebaliknya, dua langkah yang pertama itu jika dilakukan dengan baik, mungkin boleh mengembalikan keharmonian. Langkah pertama nampaknya cara penyelesaian yang paling baik, kerana ia dibincangkan dalam kedua-dua *nushuz* di atas dan sejajar dengan dasar *shura*.<sup>6</sup> Ada juga pandangan bahawa kelakuan buruk isteri yang disebut dalam ayat 4:34 juga boleh bermakna “ketidaksetiaan”, dan dalam kes sebegini, jika dua kaedah pertama itu gagal, maka langkah ketiga harus ditafsirkan sebagai “mengeluarkannya” (yakni, sama ada isteri keluar dari rumah atau hubungan perkahwinan, atau si suami keluar rumah seperti yang pernah dilakukan oleh Rasulullah (*saw*) ketika ada ketegangan antara baginda dan isteri-isterinya). Langkah ini bertujuan untuk memberi ruang untuk berfikir dan menenangkan hati.

---

6. Amina Wadud, *Qur’an and Woman: Rereading the Sacred Text from a Woman’s Perspective*, New York, Oxford University Press, 1999, ms. 74-5.






# 5 Mengapakah Al-Qur'an Memasukkan Kaedah *Daraba*?

**Sebenarnya ada** pelbagai pendapat mengenai makna *daraba* dan kekaburan istilah ini menyebabkan wujud banyak tafsirannya. *Daraba* tidak semestinya bermaksud paksaan atau kekerasan, dan tidak patut dikelirukan dengan bentuk kata kerjanya yang kedua, *darraba*, yang membawa erti “untuk memukul berkali-kali atau sekuat-kuatnya.” *Daraba* juga boleh digunakan untuk seseorang yang “memulakan langkah” suatu perjalanan, dan perkataan itu telah digunakan dalam al-Qur'an untuk membawa erti “memberi atau menjadi tauladan”.<sup>7</sup> Antara contohnya adalah:

- (i) Surah al-Imran 3:156: “Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu menjadi seperti orang-orang (munafik) yang telah kufur dan berkata kepada saudara-saudaranya apabila mereka pergi mengembara di muka bumi (iza *darabu* fil ardi) untuk berniaga atau keluar berperang...” Dalam contoh ini, “*darabu*” membawa erti “mereka mengembara”.
- (ii) Surah an-Nisa' 4:101: “Dan apabila kamu musafir di muka bumi (iza *darabtum* fil ardi), maka kamu tidaklah berdosa mengqasarkan (memendekkan) sembahyang....” Dalam contoh ini, “*darabtum*” membawa erti “kamu musafir”.
- (iii) Surah al-Anfal 8:12: “... Aku akan mengisi hati orang-orang yang kafir dengan perasaan gerun; oleh itu, pancunglah (*fadhribu*) leher mereka...” Dalam contoh ini, “*fadhribu*” membawa erti “pancunglah”.

---

7. *Ibid.*, ms. 76.



- (iv) Surah Zukhruf 43:58: “Dan mereka berkata lagi: Manakah yang lebih baik, benda-benda yang kami sembah atau (Nabi) Isa? Dan (sebenarnya) mereka tidak mengemukakan (ma *darabuhu*) perbandingan itu kepadamu (wahai Muhammad) melainkan kerana membantah semata-mata (bukan kerana mencari kebenaran)...” Dalam contoh ini, “*darabuhu*” membawa erti “mereka tidak mengemukakan”.

Memandangkan wujudnya pelbagai kemungkinan erti perkataan ‘*daraba*’, maka amat menghairankan apabila ada yang berkeras dengan pandangan mereka bahawa dalam konteks 4:34, hanya satu makna sahaja yang harus dipakai, yakni “*wadhribuhunna*” ditakrifkan sebagai “memukul mereka”. Beberapa pengulas dan sarjana seperti Rafi Ullah Shahab and Ahmed Ali dari Pakistan menegaskan bahawa *daraba* tidak membawa erti “untuk memukul”. Rafi Ullah Shahab berkata bahawa *daraba* juga membawa erti “untuk mencegah”, maka tafsirannya mengenai ayat 4:34 menegaskan bahawa ayat itu menyuruh suami “membiarkan isterinya tidur berseorangan”.

Tambahan lagi, walaupun sarjana Islam klasik secara tradisinya memahami *daraba* sebagai membawa erti “untuk memukul” atau “satu pukulan”, ini tidak bermakna bahawa mereka bersetuju lelaki Islam dibenarkan memukul isteri mereka sesuka hati. Hadis mengenai pukulan dengan cara yang tidak menyebabkan kesakitan (ghair *mubarrih*) diriwayatkan oleh Muslim, Tirmidhi, Abu Daud, Nasa’i dan Ibn Majah. Tabari dan Razi menekankan bahawa jika satu pukulan terpaksa dibuat, ia harus sekadar simbolik, seperti pukulan yang menggunakan berus gigi atau sapu tangan yang dilipat. Imam Shafi’i berpendapat bahawa sebaik-baiknya pukulan harus dihindari.<sup>8</sup>

Maka, kalau pun kita menerima perkataan *daraba* sebagai bererti untuk memukul, konteks sejarah menunjukkan bahawa ia tidak membenarkan lelaki memukul isteri mereka sewenang-wenangnya. Memandangkan al-Qur’an adalah kitab suci yang menyeluruh dan bersepadu, ia mengambil pendekatan untuk mengubah masyarakat secara berperingkat. Misalnya, pada awalnya, wahyu yang diturunkan lebih kepada tidak menggalakkan minum minuman yang memabukkan

---

8. Muhammad Asad, *The Message of the Qur’an*, Gibraltar, Dar Al-Andalus, 1980, ms. 109-10.



(Surah al-Baqarah 2:219, Surah an-Nisa' 4:43) manakala wahyu terakhir berkenaan perkara ini pula dengan jelas mengutuk dan melarangnya (Surah al-Maa'idah 5:90-91). Apabila masyarakat Islam di Madinah berkembang ke arah sebuah kerajaan yang ideal, ayat terakhir dalam al-Qur'an berkenaan hubungan antara lelaki dan wanita (Surah at-Taubah 9:71) mengungkapkan wanita dan lelaki sebagai sahabat dan penjaga (awliyya') yang saling melindungi, yang saling menolong untuk menjalani kehidupan sebagai pasangan.

*makna*  
**DARABA**

**MENGEMBARA**

**Musafir  
Pancung**

**TIDAK MENGEMUKAKAN**



# 6 Apakah Konteks Sejarahnya? Adakah Keganasan Rumah Tangga Berlaku Dalam Masyarakat Zaman Dulu?

**Sebelum kedatangan Islam** yang disebut sebagai Zaman Jahiliah, banyak berlaku keganasan fizikal dan emosi terhadap kanak-kanak perempuan serta wanita seperti pembunuhan bayi perempuan dan amalan mewarisi isteri sanak-saudara tanpa kerelaan wanita yang berkenaan. Surah an-Nisa' 4:34 yang merujuk kepada *daraba*, diturunkan pada awal zaman Madinah, ketika kezaliman dan keganasan terhadap wanita berleluasa. Dalam konteks ini, *daraba* bukanlah bermaksud untuk menyuruh lelaki memukul perempuan, tetapi bermaksud untuk mengurangkan amalan kekerasan yang berleluasa pada masa itu.

Wanita sendiri boleh melakukan sesuatu, sama ada jika mereka mahu memulihkan perkahwinan mereka dan menghentikan keganasan, atau meninggalkan suami yang ganas. Keganasan rumah tangga bukan sahaja lumrah hidup di negara Arab pada zaman Jahiliah. Sehingga awal kurun ke-20 misalnya, undang-undang Inggeris tidak mengambil berat terhadap kes keganasan rumah tangga walau seteruk mana sekali pun. Keganasan suami seperti menyebat isteri sehingga lebam-lebam, menghalau isteri keluar rumah sehelai sepinggang dalam musim sejuk, menendang perut isteri yang sarat mengandung, dan



penganiayaan lain yang terlalu dahsyat untuk disebut, pada waktu itu tidak dianggap sebagai alasan munasabah untuk seorang isteri menuntut cerai.<sup>9</sup> Pada awal 1900-an di England, anggapan bahawa isteri adalah milik penuh seorang lelaki sudah berurat berakar sehingga mahkamah hanya menjatuhkan hukuman yang sangat tidak setimpal dengan kekejaman yang dilakukan, dan mengenakan denda ringan sahaja.<sup>10</sup>

---

9. Helena Swanwick, *The Future of the Women's Movement*, London, G. Bell, 1913. Dalam Marie Roberts dan Tamae Mizuta (ed.), *The Suffragists: Towards the Vote*, London, Routledge/Thoemmes Press, 1995, ms. 80-1.

10. Marion Holmes, *The A.B.C. of Votes for Women*, London, Women's Freedom League, 1910. Dalam Marie Roberts dan Tamae Mizuta (ed.), *The Suffragists: Towards the Vote*, London, Routledge/Thoemmes Press, 1995, ms. 7.





# 7 Pernahkah Nabi Muhammad (*saw*) Memukul Atau Bertindak Zalim Terhadap Isteri-Isteri Baginda?

**Tidak pernah** sama sekali. Tidak ada ayat Al-Qur'an atau hadis sahih yang menyebut Rasulullah (*saw*) berlaku zalim terhadap mana-mana isterinya, meskipun ketika Baginda berasa kurang senang. Baginda dikenali sebagai seorang lelaki yang amat lemah-lembut yang turut membantu membuat kerja-kerja rumah. Rasulullah (*saw*) berkahwin dengan wanita-wanita daripada pelbagai latar belakang demi membantu wanita-wanita tersebut yang mengalami kesukaran atau demi mengamankan hubungan antara kaum, namun Baginda tidak sekali pun pernah hilang kesabaran dan memukul isteri-isterinya.

Malah, Rasulullah (*saw*) diriwayatkan dalam banyak Hadis sahih sebagai menentang keras perbuatan memukul isteri. Dalam satu Hadis, baginda diriwayatkan sebagai bersabda:

*"Adakah sesiapa antara kalian yang memukul isterinya bagai memukul seorang hamba, dan kemudian mahu berhubungan dengannya di malam hari?"*<sup>11</sup>

---

11. Asghar Ali Engineer, *The Qur'an, Women and Modern Society*, New Delhi, Sterling Publishers, 2005, ms. 60. CITING Muhammad Asad.



# § Jika Semua Perkara Yang Dinyatakan Di atas Ini Benar, Kenapa Masih Disebut Bahawa Suami Dibenarkan Memukul Isteri Jika Isteri *Nushuz*?

**Agak malang** apabila dalam kursus perkahwinan yang dikendalikan oleh jabatan agama, ada ustaz dan ustazah yang mengajar pasangan muda bahawa suami boleh memukul isteri yang ingkar. Bukankah elok jika ustaz dan ustazah menasihati pasangan muda yang akan berkahwin supaya sentiasa berbincang dan berunding bila menghadapi masalah dan elak dari memukul isteri. Haruslah diingat bahawa pada zaman dahulu ketika penganut agama lain membolehkan perbuatan memukul isteri atau membenarkan suami memberi hukuman keras terhadap kesalahan isteri, Imam Shafi'i memberi amaran agar pukulan tidak boleh lebih dari sekadar simbolik sahaja dan tidak boleh menyebabkan kesakitan pada tubuh isteri. Ulama besar seperti Imam Shafi'i sangat tidak menggalakkan perbuatan memukul isteri.

Apabila seseorang wanita bimbang akan keselamatan nyawanya, dirinya dan anak-anaknya, atau tidak tahan dengan perbuatan kejam suaminya, maka dia boleh meninggalkan rumah demi keselamatan dan ketenteraman fikirannya.



Ada juga pandangan di kalangan ulama bahawa “keingkaran” isteri yang dinyatakan dalam al-Qur’an bukan merujuk kepada keingkaran isteri kepada permintaan suaminya seperti keengganan isteri untuk membuat kerja rumah. Ianya kerana ulama zaman awal Islam memang tidak memandang kerja rumah sebagai sebahagian daripada tugas si isteri. Mereka memahami “keingkaran” sebagai merujuk kepada perintah Allah swt dalam tuntutan agama. Sesungguhnya ada juga suami yang melanggar perintah Allah dalam hal tanggungjawab agama.

Rasulullah (*saw*) biasanya beredar sekiranya ada isteri baginda yang menimbulkan perasaan marah di hati baginda. Maka, apakah boleh dikatakan pilihan baginda untuk beredar dan tidak memukul isteri-isterinya dianggap sebagai melanggar perintah Allah dalam al-Qur’an? Bolehkah mereka yang bertegas dengan tafsiran ayat 4:34 tetap mengatakan suami seharusnya memukul isterinya yang ingkar? Bukankah baik jika kita mengambil iktibar daripada tindakan baginda sebagai contoh tauladan yang baik seperti yang dianjurkan oleh al-Qur’an.



# 9 Sering Kali Ahli Keluarga Dan Sahabat Handai Menasihatkan Wanita Yang Dipukul Suami Supaya Bersabar Dan Berdoa Agar Keadaan Berubah. Apakah Suami Biasanya Akan Berubah Jika Wanita Bersabar?

**Al-Qur'an menyebut** bahawa, "Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri" (Surah a-Ra'd 13:11). Sudah tentulah ada kemungkinan keadaan boleh berubah setelah sekian waktu, tetapi seseorang suami yang ganas mestilah berniat untuk mengubah kelakuannya, barulah perubahan boleh benar-benar terjadi dan keganasan pun berhenti. Malangnya, kajian menunjukkan bahawa hanya segelintir lelaki ganas yang kemudian mengubah kelakuannya. Kalau ada perubahan pun, proses ini mengambil masa yang lama, dan sementara itu isteri dan anak-anak mereka terus dianiayai. Ada wanita yang cedera parah atau dibunuh suami mereka. Sesetengah pula hidup dalam ketakutan dan kemurungan. Kanak-kanak mengalami tekanan jiwa apabila ibu bapa mereka mempunyai hubungan yang tegang dan penuh keganasan.<sup>12</sup> Kanak-kanak lelaki yang melihat bapa mereka mendera ibu mereka lebih cenderung bertindak ganas terhadap isteri mereka apabila dewasa kelak.

---

12. Lihat 'Violence against Women' dalam *Asian and Pacific Women's Resource and Action Series: Health*, Kuala Lumpur, Asian and Pacific Development Centre, 1989.



Kanak-kanak perempuan dan juga lelaki akan mengalami gangguan dan trauma emosi akibat kegunaan yang berlaku, sama ada kerana mereka sendiri menjadi mangsa penderaan atau kerana menyaksikan penderaan yang dilakukan terhadap ibu mereka.

Walaupun diakui bahawa amat sukar untuk mangsa kegunaan rumah tangga mengambil tindakan dan wanita yang dianiayai memerlukan keberanian untuk berbuat demikian, mereka masih ada pilihan untuk bertindak bagi memulihkan keadaan mereka.



Anak-anak lelaki dan perempuan perlu dididik oleh ibu bapa, guru-guru dan pemimpin masyarakat bahawa kegunaan rumah tangga tidak boleh diterima



# 10 Apakah Maksud Anda Bahawa Wanita Perlu “Bertindak”?

**Wanita sendiri** boleh melakukan sesuatu, sama ada jika mereka mahu memulihkan perkahwinan mereka dan menghentikan keganasan, atau meninggalkan suami yang ganas. Seperti yang disarankan oleh al-Qur'an, mereka mungkin perlu meminta nasihat kawan atau saudara rapat. Kini, ada juga badan profesional yang boleh membantu. (Senarai agensi yang boleh diminta bantuan dilampirkan di hujung buku ini.)

Ini tidak bermaksud bahawa mangsa dera rumah tangga harus dipersalahkan atas keganasan yang dilakukan terhadap mereka. Suami yang ganas sentiasa punya pilihan supaya tidak melakukan keganasan, dan dia bertanggungjawab atas segala tindakannya.



# 11 Apakah Yang Harus Dilakukan Oleh Seorang Wanita Jika Suaminya Menderanya Secara Fizikal Atau Mental?

**Jika suami enggan** mengakui bahawa dia telah melakukan kesalahan malah tidak berusaha untuk mengubah kelakuannya, maka isteri boleh mengambil beberapa langkah:

- (i) Mengadu dan berunding dengan saudara terdekat, baik di pihak isteri mahupun di pihak suami, yang dia percaya akan mendengar dan boleh menasihati kedua-dua isteri dan suami. Malah, Islam menyarankan orang tengah dipilih bagi kedua-dua pihak (dari pihak isteri dan dari pihak suami) supaya berusaha menyelesaikan masalah perkahwinan. (Surah an-Nisa' 4:35 and 4:128).
- (ii) Mencari maklumat mengenai hak-haknya di bawah undang-undang. Hubungi Biro Bantuan Guaman yang terdekat untuk mendapatkan maklumat mengenai undang-undang, terutamanya Akta Keganasan Rumah Tangga 1996. Di samping itu, ada pertubuhan wanita yang menawarkan perkhidmatan pekerja sosial atau kaunselor dan nasihat undang-undang secara percuma bagi wanita yang dianiayai.



- (iii) Melaporkan kejadian penderaan yang terbaru kepada pihak berkuasa perubatan, sebaik-baiknya sebuah hospital kerajaan, dan juga pihak polis. Dengan mengemukakan laporan tersebut, maka akan ada rekod rasmi mengenai sebarang kecederaan yang dialami. Rekod tersebut mungkin berguna dalam siasatan polis kelak dan juga di mahkamah nanti. Jika isteri ingin membuat laporan polis tetapi takut ke balai polis berseorangan, dia boleh mengajak seorang sahabat atau kaunselor ataupun pekerja sosial daripada pertubuhan wanita.
- (iv) Ada beberapa pilihan bagi wanita tersebut jika dia ingin mendapatkan kaunseling, bergantung kepada pilihan mana yang lebih bersesuaian:
- dia boleh mengemukakan aduan di Unit Perundingan (Kaunseling) Keluarga Jabatan Hal-Ehwal Agama. Unit ini akan mengarahkan suami dan isteri menghadiri sesi perundingan atau kaunseling.
  - dia boleh menghubungi Unit Perundingan (Kaunseling) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, menerusi Jabatan Pembangunan Wanita.
  - dia boleh mendapatkan kaunseling dan khidmat guaman yang ditawarkan oleh pertubuhan wanita. Mereka juga boleh merujuknya ke tempat perlindungan.

Setelah membuat laporan polis, wanita itu boleh mendapatkan 'Perintah Perlindungan Interim' (IPO) terhadap suaminya sementara pihak polis menjalankan siasatan. IPO dikeluarkan oleh mahkamah majistret. Ia mencegah orang yang dikenakan IPO (dalam kes ini, si suami) daripada terus mengganggu mangsa. Jika suami masih mendera isterinya dalam tempoh siasatan oleh pihak polis, suami itu boleh ditahan tanpa waran. Sekiranya suami dituduh menyalahi undang-undang, isteri boleh mendapatkan Perintah Perlindungan (PO) untuk meneruskan perlindungan terhadap dirinya. PO mempunyai kuasa yang lebih luas.



Mangsa juga boleh membuat aduan di Mahkamah Shari'ah tempatan mengenai kezaliman suami terhadapnya. Dengan berbuat demikian, mangsa menunjukkan niatnya untuk mengambil tindakan undang-undang, sama ada untuk mendakwa kes kezaliman yang telah dilakukan terhadapnya, untuk menuntut cerai, ataupun untuk mendapatkan perlindungan daripada mahkamah. Jika mangsa ingin menuntut cerai, dia boleh meminta mahkamah agar melindunginya daripada keganasan dengan cara mengeluarkan perintah mahkamah supaya si suami menghentikan perbuatan menzalimi atau mencederakannya. Jika si suami terus melakukan keganasan terhadap isterinya, dia boleh didenda atau dipenjarakan.

Islam menyarankan orang tengah dipilih bagi kedua-dua pihak (dari pihak isteri dan dari pihak suami) supaya berusaha menyelesaikan masalah perkahwinan.



# 12 Bolehkah Wanita Meninggalkan Suami Yang Berlaku Zalim Terhadapnya?

**Susah tentu.** Wanita berhak mendapat perlindungan daripada keganasan. Apabila seseorang wanita bimbang akan keselamatan nyawanya, dirinya dan anak-anaknya, atau tidak tahan dengan perbuatan kejam suaminya, maka dia boleh meninggalkan rumah demi keselamatan dan ketenteraman fikirannya. Jika dia dipukul suami, dia patutlah pergi ke hospital kerajaan untuk mendapatkan pengesahan doktor tentang kesan-kesan lebam atau luka yang dialami akibat pukulan suami. Seterusnya, bawa surat doktor tersebut ke balai polis untuk membuat laporan. Sebaik-baiknya, dia juga harus memaklumkan Jabatan Agama atau Mahkamah Shari'ah untuk memberitahu pihak Mahkamah sebab dia keluar dari rumahnya. Kalaupun suaminya tahu atau menyetujui pemergiannya itu, beritahulah juga kepada pihak Mahkamah supaya suaminya tidak membuat tuduhan sembarangan pada masa hadapan.

Di samping itu, elok juga untuk isteri berhubung dengan seseorang atau mana-mana organisasi yang boleh memberikan nasihat dan bantuan guaman jika perlu. Jika dia dan anak-anak tiada tempat tinggal, ada tempat perlindungan yang boleh didiami mereka untuk sementara waktu.



# 1.3 Bolehkah Seorang Wanita Menuntut Cerai Jika Suaminya Berlaku Zalim?

**Ya.** Jika suami berlaku zalim seperti menyebabkan kecederaan fizikal serta tekanan mental dan emosi, maka isteri boleh menuntut cerai. Malah, takrif kezaliman yang disebut dalam Soalan 2 sebenarnya merupakan alasan untuk menuntut cerai secara *fasakh* (misalnya di bawah Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984). Si isteri mesti menyemak undang-undang negeri di tempat dia tinggal untuk mengetahui undang-undang yang boleh dipakai dalam kesnya. Dia boleh meminta bantuan agensi yang disenaraikan di hujung buku ini untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Jika ada wanita yang takut dan sangsi, ada orang lain yang boleh membantu. Hubungilah agensi yang disebutkan di dalam buku ini. Wanita tidak seharusnya dibiarkan keseorangan tanpa sokongan.



# 14 Jika Memang Sudah Ada Undang-Undang Yang Melindungi Wanita, Kenapa Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Masih Meluahkan Kebimbangan Mereka Di Media?

**Pelaksanaan Akta** Keganasan Rumah Tangga dan undang-undang itu sendiri masih belum sempurna. Walaupun Akta Keganasan Rumahtangga memberi takrifan keganasan rumah tangga, namun jika tuduhan itu hendak dibawa ke mahkamah, perbuatan keganasan rumah tangga itu mestilah satu jenayah yang sedia wujud dalam Kanun Keseksaan. Misalnya, jika si suami memukul isterinya, dia tidak akan dituduh melakukan jenayah keganasan rumah tangga di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga, tetapi dia akan dituduh sebagai “sengaja mencederakan” di bawah seksyen 323 Kanun Keseksaan.<sup>13</sup> Keganasan rumah tangga ialah jenayah unik kerana cirinya yang berulang-ulang – seseorang wanita mungkin dipukul berkali-kali oleh suaminya selama beberapa tahun – tetapi Kanun Keseksaan hanya mengambil kira sesuatu kesalahan keganasan sahaja dan tidak mengambil kira ciri ini.

Tambahan lagi, walaupun ramai wanita menjadi mangsa keganasan psikologi angkara suami mereka, namun perbuatan mengekori dan keseksaan psikologi tidak ditakrifkan sebagai keganasan rumah tangga atau jenayah di bawah Kanun Keseksaan. Maka, jika seorang suami yang ganas sering mengekori isterinya

13. Lihat 'Violence against Women' dalam *Asian and Pacific Women's Resource and Action Series: Health*, Kuala Lumpur, Asian and Pacific Development Centre, 1989.





di tempat kerjanya atau membuat panggilan yang 'mendera' isterinya, suami tersebut tidak boleh dituduh atas bentuk keganasan psikologi ini. Pemerksaan isteri masih belum diletakkan sebagai satu jenayah di bawah undang-undang negara. Walaupun seksyen 375A Kanun Keseksaan menyatakan bahawa adalah satu kesalahan jika seorang suami mengugut untuk mencederakan atau membunuh isterinya atau orang lain supaya melakukan kegiatan seks dengannya, undang-undang tersebut tidak menyentuh ancaman yang tidak berkaitan dengan kecederaan atau kematian, misalnya ugutan untuk menarik balik sumber kewangan.

Kelemahan yang wujud dalam pelaksanaan undang-undang ini menyebabkan wanita yang membuat laporan polis mengenai keganasan rumah tangga yang dialaminya menghadapi kesukaran dan kerumitan birokrasi. Pengalaman pertubuhan wanita menunjukkan wujudnya rintangan dalam sikap kakitangan polis dan hospital yang tidak simpati atau jahil mengenai undang-undang ini. Sering kali wanita tidak diberi nasihat tentang prosedur dan apa yang perlu dilakukan untuk membuat laporan polis. Proses memperoleh IPO (Perintah Perlindungan Sementara) agak sukar dan mengambil masa lama kerana prosedurnya tidak dinyatakan dalam Akta Keganasan Rumah Tangga.



# 15 Adakah Sesiapa Yang Melakukan Sesuatu Untuk Mengatasi Kekurangan Ini?

**Sudah bertahun-tahun** lamanya pertubuhan wanita melobi untuk memantapkan Akta Keganasan Rumah Tangga agar ia merangkumi pelbagai jenis keganasan atau kekerasan terhadap perempuan. Pada tahun 2006, Parlimen meluluskan pindaan yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang mengkaji Kanun Keseksaan dan Kanun Acara Jenayah. Beberapa pindaan itu termasuklah sebahagian daripada cadangan dalam memorandum yang dikemukakan pertubuhan wanita pada tahun 2004 dan 2005, termasuk seksyen 375A (lihat di atas) yang baru dan seksyen 376(2) mengenai perkosaan secara kejam termasuk perkosaan mangsa bawah umur. Namun pindaan yang dibuat tidak sepenuhnya merangkumi segala bentuk keganasan yang dihadapi wanita dalam kehidupan mereka, sepertimana yang dituntut dalam memorandum pertubuhan wanita.

Jalan menuju ke arah pembaharuan undang-undang yang sepenuhnya masih jauh. Lebih-lebih lagi bagi wanita, kebebasan daripada keganasan hanya boleh dicapai apabila masyarakat peka terhadap masalah ini dan apabila orang ramai mengubah sikap mereka terhadap peranan wanita dalam keluarga. Pelbagai



pertubuhan dan individu sedang bekerjasama dengan petugas perkhidmatan seperti pihak polis dan hospital kerajaan untuk menyedarkan kakitangan mereka mengenai isu berkenaan keganasan terhadap wanita supaya mereka boleh menyelaraskan prosedur untuk memudahkan wanita mendapatkan bantuan. Beberapa pertubuhan wanita turut bekerjasama dengan pelajar dan golongan muda untuk memperbetulkan tanggapan salah dan mendidik mereka supaya menolak keganasan dari kecil lagi.

Membanteras keganasan dan mengubah sikap yang tidak adil terhadap wanita tidak boleh dicapai melalui pembaharuan undang-undang sahaja. Dari awal lagi, anak-anak lelaki dan perempuan perlu dididik oleh ibu bapa, guru-guru dan pemimpin masyarakat bahawa keganasan rumah tangga tidak boleh diterima, dan tidak boleh dibiarkan berlaku atas nama agama.

Kita semua boleh berbuat sesuatu untuk menghentikan keganasan rumah tangga. Masalah boleh mula diselesaikan di rumah, dalam cara kita menjalin hubungan kita dengan orang tersayang, baik antara pasangan suami isteri mahupun antara ibu bapa dan anak. Persekitaran keluarga yang aman dan menekankan kesaksamaan antara lelaki dan perempuan akan melahirkan insan yang saling menghormati dan sentiasa berusaha mencari penyelesaian bagi apa-apa masalah mengikut *shura* atau perundingan damai seperti yang dianjurkan oleh Islam.



# KESIMPULAN

**Berdasarkan hujah-hujah** yang dikemukakan di atas, kita mesti bertekad untuk menolak keganasan. Kita mesti berusaha untuk menjamin keselamatan wanita serta perlindungan undang-undang. Wanita harus ingat mengenai hak-hak mereka jika berlaku keganasan dalam rumah tangga mereka. Wanita harus mendapatkan surat pengesahan doktor kerajaan dan bertegas dalam memastikan pihak polis mengambil laporan mereka sebelum kes mereka dirujuk kepada agensi lain yang berkaitan untuk mendapatkan bantuan selanjutnya. Proses tindakan terhadap suami di bawah undang-undang keluarga di mahkamah Shari'ah boleh dimulakan selepas laporan dibuat.



# RUJUKAN

**Abd. al-Rahim, Muddathir (2005)**, 'The Islamic Tradition', dalam W.H. Brackney (ed.), *Human Rights and the World's Major Religions*, Judul 3, Westpoint, Connecticut and London: Praeger.

**Abou El Fadl, Khaled (2001)**, *Speaking in God's Name: Islamic Law, Authority and Women*, Oxford: Oneworld.

**Asad, Muhammad (1980)**, *The Message of the Qur'an*, Gibraltar: Dar Al-Andalus.

**Engineer, Asghar Ali (2005)**, *The Qur'an, Women and Modern Society*, New Delhi: Sterling Publishers.

**Holmes, Marion (1910)**, 'The A.B.C. of Votes for Women', London: Women's Freedom League, dalam Marie Roberts and Tamae Mizuta (eds.) (1995), *The Suffragists: Towards the Vote*, London: Routledge/Thoemmes Press.

**The Joint Action Group for Gender Equality (JAG) (2006)**, *Kenyataan Akhbar dengan Soalan Lazim mengenai Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen berkenaan Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004*.

**Muhammad, KH Husein (2001)**, *Fiqh Wanita: Pandangan Ulama terhadap Wacana Agama dan Gender*, Kuala Lumpur: Sisters In Islam.

**Siddique, Kaukab (1988)**, *The Struggle of Muslim Women*, Singapore: Thinker's Library.

**Swanwick, Helena (1913)**, 'The Future of the Women's Movement', London: G. Bell, in Marie Roberts and Tamae Mizuta (eds.) (1995), *The Suffragists: Towards the Vote*, London: Routledge/Thoemmes Press.

**'Violence against Women' (1989)**, dalam *Asian and Pacific Women's Resource and Action Series: Health*, Kuala Lumpur: Asian and Pacific Development Centre.

**Wadud, Amina (1999)**, *Qur'an and Woman: Rereading the Sacred Text from a Woman's Perspective*, New York: Oxford University Press.

**Zainah Anwar (2005)**, 'Law-making in the Name of Islam: Implications for Democratic Governance', dalam K. S. Nathan and Mohammad Hashim Kamali (eds.), *Islam in Southeast Asia: Political, Social and Strategic Challenges for the 21st Century*, Singapore: Institute of Southeast Asia.

Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984

Akta Keganasan Rumah Tangga 1994



# SENARAI

## Agensi Yang Boleh Membantu Bantuan Guaman

### **Pejabat Negeri Biro**

#### **Bantuan Guaman Putrajaya**

Ibu Pejabat Biro Bantuan Guaman  
Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang  
Aras 1, Presint 3  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62692 Putrajaya  
Tel: 03-8885 1000  
Faks: 03-8885 1827

### **Kuala Lumpur**

Pengarah  
Biro Bantuan Guaman Wilayah Persekutuan  
Kuala Lumpur  
Tingkat 2, Menara EON Bank  
Jalan Raja Laut  
50504 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2694 2700  
Faks: 03-2694 0040  
E-mel: puuwp@bheuu.gov.my

### **Labuan**

Biro Bantuan Guaman Wilayah Persekutuan  
Labuan  
Tingkat 9(A), Blok 4  
Menara Pejabat Ujana Kewangan  
Jalan Merdeka  
87018 Wilayah Persekutuan Labuan  
Tel: 087-412 242  
Faks: 087-411 531  
E-mel: puulbn@bheuu.gov.my

### **Selangor**

Biro Bantuan Guaman Negeri Selangor  
Tingkat 6, Plaza Perangsang  
Persiaran Perbandaran  
40000 Shah Alam  
Tel: 03-5510 6192 / 03-5510 6298  
Faks: 03-5519 0846  
E-mel: puusel@bheuu.gov.my

### **Johor**

Biro Bantuan Guaman Negeri Johor  
Tingkat 6, Bangunan Pusat Profesional  
Jalan Dato' Syed Muhamad Mufti  
80000 Johor Bahru  
Tel: 07-223 4960 / 07-223 7073  
Faks: 07-224 7169  
E-mel: puujb@bheuu.gov.my

### **Kelantan**

Biro Bantuan Guaman Negeri Kelantan  
Lot PT84 & PT85  
Seksyen 15 Wisma Mustapha  
Jalan Sultanah Zainab  
15050 Kota Bharu  
Tel: 09-748 2548  
Faks: 09-747 2615  
E-mel: puukel@bheuu.gov.my



**Kedah**

Biro Bantuan Guaman Negeri Kedah  
Aras 3, Zon A, Wisma Persekutuan  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
06550 Alor Setar  
Tel: 04-700 1550 / 04-700 1552 / 04-700  
1553  
Faks: 04-732 7452  
E-mel: puukdh@bheuu.gov.my

**Perak**

Biro Bantuan Guaman Negeri Perak  
Tingkat Bawah, Blok A (A2)  
Bangunan Persekutuan Ipoh  
Jalan Dato' Ahmad Said (Greentown)  
30450 Ipoh  
Tel: 05-254 4027 / 05-255 2240  
Faks: 05-255 6007  
E-mel: puuipoh@bheuu.gov.my

**Pahang**

Biro Bantuan Guaman Negeri Pahang  
Tingkat 8, Wisma Persekutuan  
Jalan Gambut  
25000 Kuantan  
Tel: 09-516 1135 / 09-516 2639  
Faks: 09-515 7120  
E-mel: puukuantan@bheuu.gov.my

**Pulau Pinang**

Biro Bantuan Guaman  
Negeri Pulau Pinang  
Tingkat 4, Bangunan Gunasama  
Persekutuan, Jalan Anson  
10400 Georgetown  
Tel: 04-229 0966 / 04-229 5966  
Faks: 04-228 7966  
E-mel: puupng@bheuu.gov.my

**Terengganu**

Biro Bantuan Guaman Negeri Terengganu  
Tingkat 7, Kompleks Mahkamah  
Kuala Terengganu  
Jalan Sultan Mohamad  
21100 Kuala Terengganu  
Tel: 09-622 1722 / 09-622 3772  
Faks: 09-623 7244  
E-mel: puutrg@bheuu.gov.my

**Sabah**

Biro Bantuan Guaman Negeri Sabah  
Tingkat 7, Menara MAA  
No. 6, Lorong Api-API 1  
Peti Surat 11319  
88814 Kota Kinabalu  
Tel: 088-238 966  
Faks: 088-242 344  
E-mel: puukk@bheuu.gov.my

**Sarawak**

Biro Bantuan Guaman Negeri Sarawak  
Tingkat B6, Bangunan Sultan Iskandar  
Jalan Simpang Tiga  
93300 Kuching  
Tel: 082-258 699  
Faks: 082-243 978  
E-mel: puukch@bheuu.gov.my

**Perlis**

Biro Bantuan Guaman Negeri Perlis  
Tingkat 7, Bangunan Persekutuan  
Persiaran Jubli Emas  
01000 Kangar  
Tel: 04-977 2377  
Faks: 04-976 0308





**Negeri Sembilan**

Biro Bantuan Guaman Negeri Sembilan  
Tingkat 7, Wisma Persekutuan  
Jalan Dato' Abdul Kadir  
70000 Seremban  
Tel: 06-763 0457  
Faks: 06-761 0380

**Melaka**

Biro Bantuan Guaman Negeri Melaka  
Tingkat 8, Wisma Persekutuan  
Jalan Hang Tuah  
75300 Bandar Melaka  
Tel: 06-284 1952  
Faks: 06-282 9287  
Emel: puumel@bheuu.gov.my

**Pusat Bantuan Guaman Majlis Peguam  
Johor**

Tingkat 5, Mahkamah Sesyen & Majistret  
Jalan Ayer Molek  
80000 Johor Bahru  
Tel: 07-223 5698  
Faks: 07-226 9024

**Kedah / Perlis**

Suite 22-23, Tingkat Satu  
Bangunan Lembaga Padi  
Jalan Tunku Ibrahim  
05000 Alor Setar  
Tel: 04-730 8305  
Faks: 04-730 8305

**Kelantan**

Tingkat Bawah  
Bangunan Mahkamah Tinggi  
Jalan Hospital  
15000 Kota Bahru  
Tel : 09-744 8660

**Perak**

Tingkat 1, Wisma Chye Hin  
No. 19, Jalan Sultan Idris Shah  
30000 Ipoh  
Tel: 05-255 0523  
Faks: 05-255 0523

**Melaka**

9373, Taman Indah  
Section 1  
Bukit Sebukor  
75150 Melaka  
Tel: 06-284 5519  
Faks: 06-283 0755

**Negeri Sembilan**

No. 6, Jalan Campbell  
70000 Seremban  
Tel: 06-763 3035  
Faks: 06-762 3250

**Pahang**

Bilik Peguam  
Bangunan Mahkamah Tinggi  
28000 Temerloh  
Tel: 09-296 5707

**Pulau Pinang**

No. 4, Green Hall  
10200 Penang  
Tel: 04-261 7451  
Faks: 04-261 6840

**Selangor**

No. 41-A, Jalan Bola Jaring 13/15  
Seksyen 13  
40100 Shah Alam  
Tel: 03-5510 7007 / 03-5510 7008  
Faks: 03-5510 7009  
E-mel: sellac@streamyx.com



**Pusat Bantuan Guaman Kuala Selangor**

No. 32, Tingkat 1, Jalan Bendahara 1/1  
Taman Bendahara  
45000 Kuala Selangor  
Tel: 03-3281 2428  
Faks: 03-3281 2427  
E-mel: kslac@streamyx.com

**Terengganu**

Tingkat 5, Kompleks Mahkamah  
Jalan Sultan Muhammad  
21100 Kuala Terengganu  
Tel: 09-622 0249  
Faks: 09-622 0249

**NGO dan Agensi Kerajaan Yang Lain****All Women Action Society (AWAM)**

85, Jalan 21/1, Sea Park  
46300 Petaling Jaya  
Selangor  
Tel: 03-7877 4221  
Talian Bantuan: 03-7877 0224  
Faks: 03-7874 3312  
E-mel: awam@awam.org.my

**Sisters in Islam (SIS)**

No 4, Lorong 11/8E  
46200 Petaling Jaya  
Selangor  
Tel: 03-7960 3357  
Telenisa: 03-7960 8802  
E-mel: telenisa@sistersinislam.org.my

**Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO)**

Peti Surat 493 Jalan Sultan  
46740 Petaling Jaya  
Selangor  
Tel: 03-7956 3488  
Faks: 03-7956 3237  
E-mel: wao@po.jaring.my

**Pusat Kesedaran Wanita (WCC)**

241 Jalan Burma  
10350 Penang  
Tel: 04-228 0342  
Faks: 04-228 5784  
E-mel: wcc@wccpenang.org

**Tenaganita**

38 Jalan Gasing  
46000 Petaling Jaya  
Selangor  
Tel: 03- 7770 3691  
Faks: 03- 7770 3681

**Jabatan Kebajikan Masyarakat  
Selangor**

Tingkat 2, Bangunan Darul Ehsan  
No. 3, Jalan Indah  
Seksyen 14  
40000 Shah Alam  
Selangor  
Tel: 03-5544 5415  
Faks: 03-5519 0232  
E-mel: jkm@selangor.gov.my

**Jabatan Kebajikan Masyarakat  
Kuala Lumpur**

Tingkat 19-24,  
Menara Tun Ismail Mohamed Ali,  
Jalan Raja Laut,  
50562 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2616 5600  
Faks: 03-2693 4270

**Jabatan Kehakiman Syari'ah Malaysia**

Aras 3 Blok D7 Parcel C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
Putrajaya  
62677 Putrajaya  
Tel: 03-8886 4800  
Faks: 03-8889 1627



# Nota

MEMBINA  
Suara *demi*  
Perubahan



# Nota

MEMBINA  
Suara *demi*  
Perubahan





